

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19/4/2012

Pelbagai bidang termasuk pembinaan, minyak dan gas

Tawaran melabur di Kazakhstan

UM-19/4/2012

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN
dan THOMAS CHONG
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 18 April - Kazakhstan mempelawa pelabur Malaysia mengemban selayak perniagaan di negara Asia Tengah itu dalam pelbagai bidang seperti pembinaan, minyak dan gas, kewangan, pelancongan dan pendidikan.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev turut menyatakan secara spesifik beberapa bidang yang menawarkan peluang kerjasama antara kedua-dua negara yang sesuai untuk diterokai.

Menurut Perdana Menteri, tawaran dibuka untuk bidang teknologi maklumat (IT), pembangunan industri, penerokaan sumber asli, pembinaan lebuh raya, hospital dan pengurusan lapangan terbang.


"Kita mencapai persetujuan bahawa kita perlu kenal pasti projek dan bidang spesifik yang membolehkan kita bekerjasama dan menukarkan peluang-peluang yang ada kepada realiti.

"Saya mahu mengingatkan peniaga Malaysia bahawa Kazakhstan yang menganggotai Kesatuan Kastam dengan Rusia dan Belarus, menawarkan peluang pasaran luas dan negara itu berpotensi menjadi pintu masuk ke pasaran Asia Tengah dan Eropah sementara kita menjadi pintu masuk ke pasaran ASEAN," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar bersama Nursultan di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; dan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen.

Mengenai perdagangan kedua-dua negara iaitu sekitar AS\$60 juta (RM180 juta), Perdana Menteri berkata, ia boleh diting-



NAJIB Tun Razak dan Nursultan Nazarbayev menyaksikan majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang diwakili oleh Mohamed Khaled Nordin (duduk dua dari kanan) dengan Menteri Sains dan Pelajaran, Bakhytzhan Zhumagulov (dua dari kiri) selepas mesyuarat dua hala di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

katkan ke tahap lebih baik kerana angkat tersebut tidak melambangkan potensi di antara kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, Nursultan turut menyatakan minat untuk membina bangunan yang direka pereka tempatan di Astana dan menyokong gerakan global watsiyah yang dibawa oleh Malaysia.

"Beliau mencadangkan kedua-dua negara bekerjasama lebih erat untuk mempromosikan pemahaman yang lebih baik

terhadap Islam selain mewujudkan lebih banyak dialog dengan negara lain," katanya.

Sementara itu, Nursultan berkata, negara itu sedang berusaha merencanakan semula ekonomi secara intensif supaya lebih bersifat inovatif termasuk membina 200 ke 300 kemudahan industri baru dengan pelaburan berjumlah AS\$50 bilion (RM150 bilion) menjelang 2020.

"Kazakhstan mempunyai industri per-

tanian yang maju dan memiliki sijil halal MS1500 pada 2005, kita merupakan satu-satunya Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS) yang memperkenalkan sistem perbankan Islam," katanya.

Nursultan optimis matlamat yang telah ditetapkan bersama Najib dapat dicapai dan mahu jawatankuasa bersama kedua-dua negara memulakan kumpulan kerja bagi menjayakan setiap bidang spesifik yang telah ditetapkan.